



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

STATUS KUALITI UDARA SEPANJANG TEMPOH FASA KEDUA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

25 APRIL 2020, PUTRAJAYA – Sehingga jam 12 tengahari hari ini, IPU yang merekodkan bacaan baik adalah 62 stesen di seluruh negara manakala hanya 2 stesen yang mencatatkan bacaan IPU sederhana iaitu di Klang, Selangor dan Tanah Merah, Kelantan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 24 April 2020, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20* terdapat 2 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu: 1 di Sabah dan 1 di Sarawak. Titik panas yang dikesan akan disiasat dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Selain itu, di Sumatera, Indonesia 5 titik panas (hotspot) yang dikesan dan 8 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus membuat pemantauan rapi ke atas dan analisis terhadap kualiti udara khususnya sebelum dan sepanjang **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2020**. Bagi analisis bacaan **Indeks Pencemar Udara (IPU) yang dibuat sepanjang tempoh PKP sehingga 14 April 2020** telah menunjukkan sebanyak **14% peningkatan bagi bilangan hari ‘bersih’** dan **penurunan 10% bagi bilangan hari ‘sederhana’** di seluruh Negara.

JAS telah membuat analisis ke atas beberapa parameter gas pencemar utama iaitu **nitrogen dioksida (NO₂)**, **sulfur dioksida (SO₂)**, **karbon monoksida (CO)** dan **habuk halus bersaiz diameter 2.5 mikron (PM_{2.5})** di 8 stesen pengawasan kualiti udara khususnya di Lembah Klang iaitu di stesen **Batu Muda (Kuala Lumpur)**, **Cheras (Kuala Lumpur)**, **Putrajaya**, **Kuala Selangor**, **Petaling Jaya**, **Shah Alam**, **Klang** dan **Banting** bagi tempoh yang sama. *Trend* bacaan gas pencemar udara iaitu NO₂, SO₂, CO dan PM_{2.5} di tiga kawasan tersebut didapati menurun seperti berikut:

- **penurunan 4% hingga 27 % bagi parameter SO₂**
- **penurunan 45% hingga 70 % bagi parameter NO₂**
- **penurunan 21% hingga 49 % bagi parameter CO; dan**

JAS telah membuat analisis kualiti udara dari stesen pengawasan kualiti udara di bandar-bandar utama lain **seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam, Kuantan, Seremban, Melaka, Pasir Gudang, Kuching dan Kota Kinabalu** bagi tempoh yang sama adalah didapati terdapat:

- **Penurunan 1% hingga 40% bagi parameter SO₂;**
- **Penurunan 31% hingga 61% bagi parameter NO₂;**
- **Penurunan 1% hingga 31% bagi parameter CO; dan**
- **Penurunan 9% hingga 26% bagi parameter PM_{2.5}.**

Analisis menunjukkan penurunan paras gas pencemar utama di dalam udara khususnya di bandar-bandar utama di seluruh negara. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PKP bukan sahaja dapat memutuskan rangkaian penyebaran penyakit Covid-19 tetapi juga dapat mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar disebabkan oleh pengurangan aktiviti atau punca-punca yang menyebabkan pelepasan gas pencemar udara seperti pelepasan dari asap kenderaan bermotor, pelepasan asap cerobong dari proses perindustrian dan aktiviti pembakaran terbuka.

Menurut laporan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, **negara berada dalam fasa peralihan monsun yang akan berterusan sehingga pertengahan Mei 2020**. Dalam tempoh ini, keadaan cuaca yang lazim

berlaku adalah ribut petir dan **hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak. Keadaan ini sedikit sebanyak akan menurunkan kadar pencemaran udara di dalam negara.**

JAS ingin mengingatkan semua pihak agar **tidak melakukan pembakaran terbuka** atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja. Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web JAS di pautan <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan di Apple 'App Store'.

-TAMAT-